



# KENYATAAN MEDIA

## MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

### MAJLIS HIGH TECH NATION KETENGAHKAN TEKNOLOGI MASA HADAPAN

---

Semalam saya telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis High-Tech Nation yang bertujuan merangka hala tuju teknologi sedia ada dan masa hadapan yang berpotensi untuk dibangunkan di Malaysia. Majlis ini juga akan melaporkan sebarang perkembangan secara terus kepada Majlis Sains Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Program dan dasar yang akan dibentuk di bawah majlis ini adalah berpandukan kepada kerangka MySTIE 10-10 serta Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (DSTIN) 2021-2030 yang telah saya lancarkan minggu lalu. Sebanyak 30 bidang keutamaan telah dikenal pasti menerusi rangka kerja ini dan majlis ini akan merapatkan jurang yang wujud bagi memastikan ia dapat memberi kesan maksimum kepada setiap bidang keutamaan.

Majlis ini juga akan mengambil peranan secara proaktif dalam menetengahkan teknologi masa hadapan yang akan melonjakkan kedudukan negara sebagai peneraju teknologi. Saya juga telah memilih untuk mengutamakan beberapa program, hala tuju dan dasar agar sesuai dengan keperluan masa kini yang mendesak.

Antara cadangan yang telah dibentangkan semalam adalah berkenaan perubahan kepersisan (*precision medicine*) daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Perubatan kepersisan berasaskan teknologi data raya ini berupaya mendiagnos serta merancang perubatan yang berkualiti dan terjamin bagi seseorang pesakit.

Selain itu, Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) juga telah membentangkan Hala Tuju Inovasi Air Negara yang akan menjamin keselamatan air. Menerusi hala tuju ini, sebanyak lima (5) program telah dikenal pasti iaitu sungai yang bersih, rizab margin air, sistem air pintar, pengurangan risiko bencana dan pembiayaan air.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pula telah membentangkan sembilan (9) hala tuju yang sedang dibangunkan oleh agensi-agensi di bawah kementerian. Kesemua hala tuju yang akan dibentangkan pada pertengahan 2021 ini akan memacu kerajaan untuk merangka pelaburan serta memformulasi dasar terbaik dalam pembangunan teknologi-teknologi tersebut. Pelan itu antara lain akan merangkumi: blok rantai (*blockchain*); nanoteknologi; robotik; hidrogen; kecerdasan buatan (AI); litar bersepadu dan bahan termaju (*advanced materials*).

Akademi Sains Malaysia telah membentangkan cadangan untuk menginstitusikan sebuah badan pemecut pengkomersialan teknologi (*Tech-Commercialisation Accelerator*) bagi mengetuai dan mengkoordinasi usaha-usaha penyelidikan berdasarkan perniagaan serta ekonomi. Penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta sistem penyampaian ini akan dibuat berasaskan permintaan serta keperluan pasaran untuk inovasi-inovasi pengganggu (*disruptive innovations*). Saya akan mengumumkan lebih lanjut mengenai perkara ini sedikit masa lagi.

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah membentangkan kertas kerja Teknologi Motosikal: Penyelesaian Kepada Dilema Kemajuan Ekonomi-Keselamatan dan menjelaskan bahawa 66 peratus daripada kematian di jalan raya melibatkan kemalangan motosikal. Kami berharap untuk memberi insentif dalam pembangunan, pengaplikasian dan penggunaan teknologi sedia ada serta akan datang bagi memperbaiki kebolehcapaian kesemua aspek keselamatan jalan raya. Bidang yang berpotensi untuk dibangunkan termasuklah teknologi pengujian serta verifikasi, teknologi penghindaran kemalangan, teknologi mengurangkan kecederaan (dalam kemalangan), teknologi pemaduan kembali sosial

(*social reintegration technology* -merujuk kepada teknologi respons pintar awal dan pemulihan) serta teknologi pengurusan dan perancangan strategik.

Kementerian Alam Sekitar dan Air pula telah membentangkan Hala Tuju Inovasi Teknologi Hijau Kebangsaan yang mensasarkan penggunaan teknologi hijau menjelang 2030 bagi memastikan kemampuan alam sekitar negara. Inovasi-inovasi sektoral di bawah pelan ini termasuk perolehan hijau kerajaan, teknologi grid pintar, proses perindustrian hijau, pengawasan sungai melalui Internet Segala Benda (IoT), skim *Waste to Energy (WTE) and wealth*, pengaplikasian bangunan hijau dan pintar, kenderaan cekap tenaga dan kenderaan elektrik, pertanian bandar serta IoT pengawasan hutan.

Akhir sekali, dalam kita mengadaptasi perubahan tingkah laku akibat COVID-19, saya telah meminta MOSTI menyediakan satu kertas kerja mengenai Inisiatif Infrastruktur dan Ekonomi Sentuhan Rendah. Ini memerlukan anjakan paradigma bukan sahaja dalam cara kita berinteraksi sesama sendiri, malahan dengan dunia secara keseluruhan. Antaranya termasuklah penggosok lantai berautonomi, robot pembantu (membawa barangan) dan sistem pengurusan sisa pintar di pasar-pasar awam. MOSTI juga telah melancarkan penggunaan robot di hospital dengan kerjasama KKM serta memulakan modul robotik, dron serta AI di ladang-ladang bersama FELDA. Beberapa inisiatif ini akan direalisasikan di bawah Sandbox Teknologi dan Inovasi Nasional (NTIS).

Kebanyakan program, hala tuju dan dasar sedia ada selama ini telah dimajukan secara berasingan atau bersendirian oleh pelbagai kementerian dan agensi. Majlis High Tech Nation adalah permulaan baharu kepada cara kita membangun dan mengaplikasi teknologi dalam negara bagi memastikan segalanya selaras dan koheren dengan keperluan nasional.

•

**### TAMAT ###**

**KHAIRY JAMALUDDIN**  
**MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**18 Disember 2020**